

25 JUN 2001

Mahathir-Bangunan

PEMILIK BANGUNAN DIGESA NYALAKAN LAMPU SEMASA PERAYAAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa semua pemilik bangunan di ibu negara supaya menyalakan lampu pada waktu malam terutama mulai 17 Ogos hingga pertengahan September.

Beliau berkata ini penting untuk menjadikan Kuala Lumpur lebih bercahaya dan indah pada waktu malam dalam usaha untuk menarik pelancong ke negara ini.

"Saya meminta pemilik bangunan berbuat demikian (menyalakan lampu) untuk pelancongan, negara dan sambutan Hari Kebangsaan kita," kata beliau semasa perbincangan dengan persatuan-persatuan yang terbabit dalam industri pelancongan di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata Tenaga Nasional Berhad telah memberi komitmen untuk menawarkan diskaun 50 peratus bagi bil elektrik kepada bangunan-bangunan yang menggunakan bekalan elektrik melebihi daripada apa yang biasa mereka gunakan.

"Saya berharap semua pihak akan memberi sambutan kepada perkara ini," kata beliau sambil berharap Kuala Lumpur suatu hari nanti akan kelihatan indah seperti New York pada waktu malam," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau sendiri akan memantau kemajuan yang dicapai oleh pemilik bangunan untuk menyalakan lampu dalam tempoh yang dinyatakan itu.

"Saya akan memandu pada waktu malam dan membuat pemerhatian serta catatan," kata beliau.

Perdana Menteri juga berharap bahawa semua pemilik bangunan dan yang lain seperti stesen minyak mengibarkan bendera Malaysia dan mengedarkannya kepada pengguna.

"Tolong bantu dengan menyumbang seberapa banyak yang mungkin untuk mengedarkan bendera," kata beliau dan berkata merea harus menggalakkan pelancong menyertai sambutan.

Dr Mahathir juga menasihatkan pengusaha hotel dan pihak lain yang terbabit dalam industri pelancongan supaya menawarkan layanan yang mesra dan memberi perkhidmatan terbaik kepada semua pelancong ke negara ini.

"Berilah layanan baik kepada pelancong ini yang membantu kita menjadi kaya," kata beliau.

Terdahulu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata sejak Disember tahun lalu, 1 juta pelancong tiba di Malaysia setiap bulan.

"Bagi pertengahan tahun, ketibaan tujuh juta pelancong dicatatkan," kata beliau.

Katanya pencapaian ini amat membanggakan dan berharap ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

Beliau berkata cabaran mengekalkan momentum kedatangan pelancong ini adalah amat kuat memandangkan negara jiran juga berusaha keras menarik pelancong asing.

Kata beliau negara-negara jiran sedar industri pelancongan hanya memerlukan modal yang kecil tetapi mendatangkan pulangan yang amat besar.

Beliau berkata peranan sektor swasta juga amat diperlukan bagi menggalakkan industri pelancongan dan bergerak bersama-sama kerajaan sebagai satu barisan.

-- BERNAMA

MHI AKT FAZ